



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# **KECENDERUNGAN PENYERTAAN TAKAFUL MIKRO DALAM KALANGAN USAHAWAN PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA DI PELEPAT ILIR, JAMBI, INDONESIA**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **LINA ADE CHUSMITA**

## **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

## **2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KECENDERUNGAN PENYERTAAN TAKAFUL MIKRO DALAM  
KALANGAN USAHAWAN PERUSAHAAN MIKRO, KECIL  
DAN SEDERHANA DI PELEPAT ILIR, JAMBI,  
INDONESIA**

**LINA ADE CHUSMITA**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA EKONOMI (EKONOMI ISLAM)  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada .....(hari bulan)..... (bulan) 20.....

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, LINA ADE CHUSMITA, No. Matrik: M2017100003, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KECENDERUNGAN PENYERTAAN TAKAFUL MIKRO DALAM KALANGAN USAHAWAN PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA DI PELEPAT ILIR, JAMBI, INDONESIA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



---

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, DR. AZILA BINTI ABDUL RAZAK dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KECENDERUNGAN PENYERTAAN TAKAFUL MIKRO DALAM KALANGAN USAHAWAN PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA DI PELEPAT ILIR, JAMBI, INDONESIA dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA EKONOMI (EKONOMI ISLAM).

---

Tarikh

---

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KECENDERUNGAN PENYERTAAN TAKAFUL MIKRO DALAM KALANGAN USAHAWAN PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA DI PELEPAT ILIR, JAMBI, INDONESIA

No. Matrik / Matric No.: M20171000003

Saya / I : LINA ADE CHUSMITA

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) from the categories below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: \_\_\_\_\_

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, terima kasih kepada Allah S. W.T tuhan semesta alam, kerana dengan limpah dan keizinannya, saya dapat menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Tesis ini tidak mungkin dapat diselesaikan tanpa bantuan, sokongan nasihat, galakan dan inspirasi dari beberapa individu. Oleh itu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Azila Abdul Razak dan Dr. Fidlizan Muhammad yang telah melantik saya sebagai pembantu penyelidik, memberi bimbingan dan nasihat, serta sokongan yang tidak terhingga dari awal penyelidikan hingga akhir tesis ini.

Buat insan teristimewa Papa En. Muchsin, Mama Pn. Siti Nadiroh, kakak Pn. Siti Munawaroh, Pn. Nurul Aini dan Pn. TYS. Syarifah, terima kasih atas kalung doa dan dorongan berterusan mereka sepanjang pengajian pasca siswazah saya ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada suami saya Beni Satriya dan rakan-rakan seperjuangan iaitu Mohamad Rohieszan (Abang Ijan), Kok Jing, Rozilah, Umi Abidah, Nur Syakirah, Norazren Amirah, Syazwani, Camelia, dan Iffa Makmun yang banyak membantu dari segi perkongsian ilmu dan sokongan moral sepanjang tempoh pengajian saya di sini.

Terima kasih semua.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) menyertai skim takaful mikro menggunakan Teori Tingkah Laku Terancang (*Theory of Planned Behaviour, TPB*). Tiga pemboleh ubah *TPB* iaitu sikap, norma subjektif dan dasar inklusif kewangan dianalisis. Kajian ini membentuk kuantitatif dan menggunakan instrumen soal selidik. Seramai 272 orang usahawan PMKS telah dipilih untuk menjadi sampel kajian berdasarkan kaedah pensampelan rawak mudah. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan model persamaan berstruktur. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pemboleh ubah sikap ( $\beta = 0.383 p < 0.001$ ) dan pemboleh ubah inklusif kewangan ( $\beta = 0.553 p < 0.001$ ) mempunyai pengaruh yang signifikan dan positif terhadap kecenderungan penyertaan terhadap takaful mikro. Namun, pemboleh ubah norma subjektif ( $\beta = -0.001 p > 0.001$ ) tidak mempengaruhi secara signifikan terhadap kecenderungan menyertai takaful mikro. Kesimpulannya, faktor sikap dan dasar inklusif kewangan adalah signifikan dalam meningkatkan penyertaan skim takaful mikro. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pengusaha-pengusaha skim takaful dan pembuat dasar perlu mengambil kira faktor-faktor yang terdapat dalam *TPB* apabila merancang suatu strategi dan membuat keputusan yang berkait dengan skim takaful mikro. Di samping itu, pengusaha-pengusaha takaful juga perlu merangka pelan strategik pemasaran yang merangkumi seluruh strata masyarakat bagi menggalakkan penyertaan skim takaful mikro dalam kalangan usahawan PMKS di Indonesia.





## **THE TENDENCY OF MICRO TAKAFUL PARTICIPATION AMONG MICRO, SMALL AND MEDIUM ENTREPRENEURS IN PELEPAT ILIR, JAMBI, INDONESIA**

### **ABSTRACT**

This study aims to analysis the factors that influence the tendency of micro, small and medium entrepreneurs (MSMEs) to participate in the micro *takaful* scheme using the Theory of Planned Behaviour (TPB). The TPB theory which consists of tree variables such as attitude, subjective norms and financial inclusion policy are analyzed. Quantitative approaches was employed dan questionnaire was used as an instrument. A sample of 272 MSMEs was selected using simple random sampling technique. Data was analyzed using descriptive statistic and structural equation modeling. The findings show that attitude ( $\beta = 0.383$ ,  $p < 0.001$ ) and financial inclusion policy ( $\beta = 0.553$ ,  $p < 0.001$ ) have a significant influence on the tendency to participate in the micro *takaful* scheme. However, subjective norms ( $\beta = -0.001$ ,  $p > 0.001$ ) have no significant influence on the tendency to participate in the micro *takaful* scheme. In conclusion, attitude and financial inclusion policy factors are significant in increasing the interest of MSMEs to participate micro *takaful* scheme. The implication of the study shows that *takaful* operators and policy makers need to take into account the factors that exist in the theory of planned behavior when planning a strategy and making decisions related to the micro *takaful* scheme. Moreover, *takaful* operators also need formulate a marketing strategy plan that encompasses all levels of societies to encourage the participation of micro *takaful* schemes among the MSMEs in Indonesia.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi



## BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	3
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Kepentingan Kajian	15
1.7 Batasan Kajian	16
1.8 Kerangka Konseptual	17
1.9 Hipotesis Kajian	18





1.10	Definisi Operasional	19
1.10.1	Kecenderungan	19
1.10.2	Skim Perlindungan	20
1.10.3	Usahawan PMKS	21
1.10.4	Inklusif Kewangan	22
1.10.5	Sikap	23
1.10.6	Norma subjektif	24
1.11	Rumusan	24

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	25
2.2	Konsep Insurans Mikro dan Takaful Mikro	26
2.3	Usahawan <sup>si.edu.my</sup>	37
2.3.1	Usahawan PMKS	40
2.3.2	Penglibatan Takaful dalam Kalangan Usahawan PMKS	42
2.4	Inklusif Kewangan yang Mempengaruhi Keperluan Takaful Mikro	43
2.5	Kecenderungan Menyertai takaful mikro	45
2.6	Kerangka Teori	47
2.6.1	Teori Tingkah Laku Terancang ( <i>TPB</i> )	47
2.6.2	Cadangan Rangka Kerja Penyelidikan	54
2.7	Hipotesis Kajian	56
2.7.1	Pengaruh Sikap Terhadap Kecenderungan menyertai Takaful Mikro	56
2.7.2	Pengaruh Norma Subjektif Terhadap Kecenderungan Menyertai Takaful Mikro	57
2.7.3	Pengaruh Dasar Inklusif Kewangan Terhadap Kecenderungan Menyertai Takaful Mikro	58





2.8 Rumusan	59
-------------	----

## BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	60
3.2 Reka Bentuk Kajian	61
3.3 Lokasi Kajian	62
3.4 Populasi dan Sampel	64
3.5 Instrumen Kajian	70
3.6 Penterjemahan	73
3.7 Ujian Rintis	74
3.7.1 Kesahan instrumen oleh pakar	75
3.7.2 Kesahan instrumen	77
3.7.3 aka. Kebolehpercayaan instrumen	82
3.8 Kutipan Data	87
3.9 Analisis Data	90
3.10 Rumusan	91



## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	92
4.2 Profil Responden	93
4.2.1 Pengkodan dan Penyuntingan Data	93
4.3 Kadaran Respon	95
4.3.1 Analisis Kehilangan Data	95
4.3.2 Pengujian Andaian	98
4.4 Pengujian Skala Pengukuran	103





4.4.1	Penilaian Kesepadan Model	104
4.4.2	Penilaian Kebolehpercayaan dan Kesahan	109
4.4.3	Ringkasan Analisis Model Pengukuran	111
4.5	Pengujian Hipotesis	112
4.6	Rumusan	114

## BAB 5 RUMUSAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	116
5.2	Hasil Rumusan	117
5.2.1	Adakah pemboleh ubah sikap mempengaruhi kecenderungan penyertaan takaful mikro dalam kalangan usahawan PMKS?	118
5.2.2	Adakah pemboleh ubah norma subjektif mempengaruhi kecenderungan penyertaan takaful mikro dalam kalangan usahawan PMKS?	119
5.2.3	Adakah pemboleh ubah inklusif kewangan mempengaruhi kecenderungan penyertaan takaful mikro dalam kalangan usahawan PMKS?	120
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	120
5.3.1	Teoritikal	121
5.3.2	Praktikal	122
5.4	Batasan dan Cadangan dan Kajian Lanjutan	123
5.5	Rumusan	124

## RUJUKAN

## LAMPIRAN





## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Kriteria Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)	22
2.1	Sejarah Perkembangan Industri Insurans dan Takaful di Indonesia	28
2.2	Prinsip Takaful dalam al-Quran, al-Hadis dan fiqh	33
2.3	Produk Takaful Mikro (Si Bijak)	35
2.4	Konsep-konsep Mempengaruhi Sikap	49
3.1	Bilangan Usahawan Mikro, Kecil dan Sederhana di Daerah Pelepat Ilir	63
3.2	Jumlah Populasi Usahawan Muslim Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana di Pelepat Ilir Tahun 2017	65
3.3	Penentuan Saiz Sampel Cohen	67
3.4	Penentu Saiz Sampel Krecjie dan Morgan	68
3.5	Item dan Indikator Pengukuran Pemboleh Ubah	71
3.6	Struktur Soal Selidik	72
3.7	Maklum Balas daripada Pakar Bahasa	74
3.8	Maklum Balas daripada pakar Kandungan	76
3.9	Deskriptif Statistik	81
3.10	Nilai <i>Cronbach's Alpha</i> Berdasarkan Cadangan Penyelidik Lepas	83
3.11	Nilai Keboleh Percayaan Hasil Ujian Rintis	83
3.12	Indeks Kesepadan untuk Analisis Faktor Eksploratori ( <i>EFA</i> )	84
3.13	<i>Kaiser Mayer Olkin (KMO)</i>	85





3.14	Analisis faktor penerokaan ( <i>EFA</i> ) Ujian Rintis	86
3.15	Prosedur Pengumpulan Data	88
4.1	Profil Responden	96
4.2	Penilaian Normaliti	98
4.3	Analisis <i>Multivariate Outliers</i>	101
4.4	Penilaian Normaliti (Selepas <i>Outliers</i> )	101
4.5	Penilaian Normaliti (Selepas Penolakan <i>Outliers</i> )	103
4.6	<i>Goodness of fit (GOF) Indeks</i>	104
4.7	<i>Standard Regresi Weights (Faktor Loading)</i>	105
4.8	<i>Goodness of fit (GOF) Indeks</i> Setelah Spesifikasi Ulang	107
4.9	<i>Goodness of fit (GOF) Indeks</i> Setelah Dua kali Spesifikasi	108
4.10	Evaluasi Model Pengukuran Data Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	111
4.11	Ringkasan Pengujian Hipotesis	113





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Perkhidmatan Insurans dan Kewangan	5
1.2 Bilangan Pertumbuhan Industri Insurans dan Takaful di Indonesia	7
1.3 Perbandingan Akses terhadap Perkhidmatan Kewangan di beberapa Negara	12
1.4 Kerangka Konseptual	18
2.1 Teori Tingkah Laku Terancang ( <i>TPB</i> )	53
2.2 Cadangan Rangka Kerja Penyelidikan	55
3.1 Tinjauan Penilaian Ujian Rintis oleh Pakar	76
4.1 Model Pengukuran yang diubah Suai	109
4.2 Hasil Ujian Hipotesis	114





## SENARAI SINGKATAN

AAJI	Asosiasi Insuran Hayat Indonesia
AASI	Asosiasi Insurans Syariah Indonesia
AAUI	Asosiasi Insurans Umum Indonesia
ASEAN	Persatuan Bangsa-bangsa Asia Tenggara
BI	Bank Indonesia
BNM	Bank Negara Malaysia
BPS	Badan Pusat Statistik
CFO	<i>Chief Financial Officer</i>
DAI	Dewan Insurans Indonesia
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPS	Dewan Pengawas Syariah
DSN	Dewan Syariah Nasional
ICMIF	<i>International Cooperative and Mutual Insurance Federation</i>
IFSB	<i>Islamic Financial Services Board</i>
KBBI	Kamus Besar Bahasa Indonesia
KEMENKEU	Kementerian Kewangan Indonesia
LPPI	Lembaga Pengembangan Perbankan Indonesia
MFI	Majelis Fatwa Indonesia
MUI	Majelis Ulama Indonesia
OJK	Otoritas Jasa Keuangan
PERPES	Peraturan Presiden
PMK	Peraturan Menteri Kewangan
PMKS	Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
POJK	Peraturan Otoritas Jasa Keuangan
RI	Republik Indonesia
SDG	<i>Sustainable Development Goals</i>
SEOJK	Surat Edaran Otoritas Jasa Keuangan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SMES	Sederhana, Mudah, Ekonomik dan Segera
STI	Syarikat Takaful Indonesia
TPB	<i>Theory of Planned Behavior</i>
TRA	<i>Theory of Reasoned Action</i>
UMKM	Usaha Mikro Kecil dan Menengah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI LAMPIRAN

- 1 Borang Soal Selidik
- 2 Profil Responden Ujian Rintis
- 3 Pengkodaan data Sebelum *Key in* Data ke dalam SPSS
- 4 *Assesment of Common Method Bias*
- 5 *Standardized Residual Covariance*
- 6 *Factor Loading 1*
- 7 *Model Measurement*
- 8 Model Kajian (Pengujian Hipotesis)





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



F

## BAB 1

### PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pendahuluan

Wang adalah elemen penting yang menghubungkan ekonomi dan sosial masyarakat kini.

Walaupun wang bukan matlamat penting dalam kehidupan, namun realitinya tahap kemandirian manusia masih bergantung secara signifikan dengan instrumen ini. Sehubungan dengan itu, penglibatan menyeluruh masyarakat dalam transaksi sosial dan ekonomi menyumbang kepada kemapanan dalam pembangunan sebuah negara. Konsep inklusif kewangan merupakan pendekatan yang semakin popular dalam pengembangan ekonomi global bagi memastikan semua individu mendapat hak ekonomi yang sama rata.

Pelbagai produk kewangan diwujudkan bagi merealisasikan tujuan ini, antaranya ialah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



insurans atau takaful mikro. Produk insurans yang dahulunya eksklusif kepada golongan kaya, kini perlu diperluaskan sehingga memenuhi keperluan dan kekangan kewangan seluruh strata masyarakat. Negara Indonesia tidak terkecuali melaksanakan anjakan kewangan selari dengan matlamat antarabangsa.

Beberapa produk takaful mula diperkenalkan sejak beberapa tahun lalu, namun sambutannya kurang menggalakkan (Setiyowati, 2016). Rentetan itu, isu ini memerlukan kajian dalam pelbagai aspek (OJK, 2013). Dalam kajian ini, fokus kajian adalah berkaitan tahap kesediaan usahawan dalam perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di Pelepat Ilir Jambi, Indonesia terhadap produk perlindungan syariah iaitu takaful mikro (Si Bijak). Oleh yang demikian, diharapkan dengan wujudnya perkhidmatan takaful mikro untuk golongan yang kurang mendapat perhatian termasuklah usahawan, dapat merealisasikan kesamarataan dalam ekonomi dan akhirnya membentuk sistem simbiosis mutualisme yang menghubungkan semua lapisan masyarakat dalam perekonomian Indonesia. Produk takaful mikro semakin penting kini bagi melindungi golongan usahawan PMKS yang semakin memberi sumbangan besar kepada perkembangan ekonomi negara Indonesia.



## 1.2 Latar Belakang

Kehidupan manusia pada masa kini tidak dapat dipisahkan daripada wang. Hal ini berbeza dengan sistem ekonomi *barter* yang pernah diamalkan pada suatu masa dahulu. Kekurangan yang timbul dalam amalan ekonomi barter menyebabkan urusan ekonomi dan sosial manusia terhad. Kehidupan manusia bukanlah bermatlamat untuk mendapatkan wang sahaja. Namun demikian, kehidupan manusia tanpa instrumen ini membataskan matlamat manusia untuk mencapai taraf kehidupan yang lebih baik.

Menurut Imam al-Ghazali, fungsi utama wang adalah sebagai cara pertukaran yang mencerminkan nilai komoditi (Al-Jufri & Syariah, 2004). Wang tidak ada manfaatnya untuk dirinya sendiri, tetapi wang dapat dimanfaatkan untuk perkara yang lain. Oleh itu, manfaat wang terhadap setiap individu adalah bergantung kepada kecekapan individu untuk mengurus dan membelanjakannya (Jalaluddin, 2014; Rosia, 2018). Sistem ekonomi yang beroperasi secara adil merupakan antara kriteria penting yang dapat membantu masyarakat untuk memanfaatkan kekangan pendapatan yang dimiliki bagi memenuhi keperluan dan kehendak diri dan tanggungan yang penting.


Islam telah membuktikan secara signifikan bahawa perniagaan dan pelaburan merupakan bahagian aktiviti ekonomi yang mempunyai hubungan eksplisit dan implisit untuk merealisasikan konsep keadilan ekonomi. Aktiviti ekonomi digalakkan untuk disertai oleh masyarakat Islam bagi tujuan mengimarahkan muka bumi seperti mana firman Allah S.W.T yang bermaksud;

*“Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh) orang-orang (yang menjadi penjaganya), yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang daif (yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan merasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka; oleh itu hendaklah mereka bertaqwa kepada Allah, dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (menepati kebenaran)”.  
(Surah An-Nisa, 4 (9))*

Berdasarkan ayat di atas, kehidupan manusia adalah saling memerlukan dan bertanggung jawab untuk memudahkan urusan individu lain bagi memastikan matlamat kehidupan bertepatan dengan syarak. Kehidupan yang saling memerlukan ini signifikan menyumbang kepada kemapanan dalam pembangunan sebuah negara. Keadaan ini selari dengan objektif syariah iaitu mencapai kesejahteraan ekonomi dan sosial berteraskan lima prinsip *maqasid al-syariah* iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta benda (Chapra, 2008). Sehubungan itu, pihak kerajaan perlu mengambil peranan untuk memastikan perbezaan kelebihan dan kekurangan yang dimiliki oleh setiap individu tidak menghalang meraka untuk mendapatkan akses dalam aktiviti ekonomi. Konsep melibatkan masyarakat secara menyeluruh dalam setiap kegiatan ekonomi ini dikenali sebagai inklusif kewangan (Allen et al., 2012).

Melalui sistem kewangan yang bersifat inklusif, masyarakat mampu menyumbang kepada matlamat *Sustainable Development Goals (SDG)* iaitu kemiskinan sifar dan kemapanan ekonomi dan sosial. Sejajar dengan matlamat global tersebut, pelbagai strategi telah dirangka dan dilaksanakan oleh Bank Dunia bagi merealisasikan matlamat bertujuan untuk meluaskan akses kewangan kepada masyarakat terutamanya di negara-negara miskin di Benua Afrika dan Asia Selatan termasuk negara-negara membangun

seperti beberapa negara ASEAN (Iqbal, 2013). Berdasarkan Rajah 1.1, instrumen kewangan seperti industri insurans dan kewangan di beberapa negara ASEAN telah menunjukkan pertumbuhan yang menggalakkan.



*Rajah 1.1. Perkhidmatan Insurans dan Kewangan. Sumber: World Bank (2017).*


Pertumbuhan ekonomi di Indonesia agak perlahan, namun ujuran pertumbuhan ekonomi Indonesia masih lagi pada tahap yang baik iaitu menunjukkan peningkatan daripada 5.2 peratus pada tahun 2017, dan dijangka meningkat kepada 5.3 peratus pada tahun 2018 (World Bank, 2017). Dengan jumlah penduduk yang padat iaitu 252 juta, populasi penduduk miskin di Indonesia masih lagi tinggi (Badan Pusat Statistik, 2017). Walaupun pertumbuhan ekonomi menunjukkan peningkatan, namun pembangunan masih sukar dicapai. Bagi memacu pertumbuhan yang mapan dan kewangan yang inklusif, kerajaan Indonesia telah mengiktiraf peranan utama perusahaan mikro, kecil dan



sederhana (PMKS). Sehingga tahun 2013, perusahaan PMKS telah menyumbang sebanyak 43 peratus daripada Keluaran Negara Kasar Indonesia (Kementerian Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah Republik Indonesia, 2013). Di samping itu, Strategi Nasional Kewangan Inklusif menekankan keperluan untuk meningkatkan akses kewangan kepada semua strata masyarakat, termasuklah skim perlindungan insurans oleh sektor kewangan kepada usahawan PMKS (Kementerian Pembangunan Nasional, 2015).

Semenjak sistem kewangan Islam diperkenalkan di Indonesia pada tahun 1992, pelbagai produk kewangan telah diperkenalkan sebagai alternatif kepada produk kewangan konvensional termasuklah penawaran produk takaful yang bertujuan untuk memberi perlindungan kewangan kepada masyarakat yang ditimpa sebarang bencana atau musibah. Hal ini dapat dibuktikan dengan pertumbuhan industri takaful yang semakin meningkat (Otoritas Jasa Kewangan, 2015). Rajah 1.2 menunjukkan pertumbuhan industri insurans konvensional yang menawarkan produk takaful dan institusi takaful sepenuhnya di Indonesia.





Rajah 1.2. Bilangan Pertumbuhan Industri Insurans dan Takaful di Indonesia. Sumber: Statistik Insurans dan Takaful di Indonesia (Otoritas Jasa Keuangan, 2015)

Berdasarkan Rajah 1.2, terdapat perbezaan kadar pertumbuhan antara kedua-dua institusi insurans dan takaful. Namun begitu, pertumbuhan jumlah institusi takaful lebih perlahan berbanding dengan insurans konvensional iaitu kurang daripada 100 buah institusi (Rajah 1.2). Hal ini disokong dengan dapatan kajian oleh pihak Otoritas Jasa Keuangan (2013) yang mendapati bahawa tahap indeks literasi masyarakat Indonesia terhadap industri insurans takaful secara relatifnya masih rendah iaitu 17.84 peratus. Kajian tersebut mendapati bahawa daripada setiap 100 penduduk Indonesia, hanya terdapat 18 orang sahaja yang memahami perkhidmatan insurans (11.81%). Manakala daripada 18 orang tersebut, hanya terdapat 12 orang sahaja (6.04%) yang memanfaatkan produk dan perkhidmatan insurans. Walaupun tidak mengalami pertumbuhan yang ketara, industri takaful domestik dan insurans termasuk insurans yang memiliki produk takaful telah menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun.

Peranan PMKS terhadap ekonomi Indonesia amat signifikan, PMKS telah menyumbang sebanyak 43 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) Indonesia, namun akses kewangan terhadap usahawan PMKS masih lagi terbatas, terutamanya pemilikan insurans (Kementerian Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah Republik Indonesia, 2013). Kajian oleh World Bank (2016) mendapati bahawa faktor utama masalah akses perkhidmatan insurans kepada golongan usahawan adalah disebabkan oleh ceruman yang tinggi dan kurang kesedaran, dan ketiadaan produk yang disasarkan. Oleh itu ketiadaan pemilikan insurans sebagai jaminan perlindungan, menyebabkan usahawan PMKS terpaksa menggunakan keuntungan daripada perniagaan untuk kegunaan kecemasan. Situasi ini mengekang modal peniagaan digunakan bagi penggunaan yang lebih produktif seperti pelaburan teknologi atau pengambilan pekerja baharu. Kekangan ini didapati membataskan perusahaan dikembangkan dari masa ke semasa (World Bank, 2016).

Rentetan daripada permasalahan akses kewangan masyarakat Indonesia terutamanya usahawan PMKS, Otoritas Jasa Keuangan (OJK) mengambil inisiatif memperkenalkan insurans mikro berasaskan syariah yang merupakan sebahagian daripada program inklusif kewangan yang diletakkan di bawah institusi kewangan bukan bank pada akhir tahun 2013 (Perpes, 2016). Perkembangan takaful di Indonesia ini dapat dipercepatkan memandangkan prosedur operasi standard (*SOP*) daripada beberapa institusi kewangan syariah yang dapat memberi pengaruh antara satu sama lain. Antara institusi berkaitan adalah Dewan Syariah Nasional – Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI), Otoritas Jasa Keuangan (OJK), Kumpulan Pengembangan Asuransi Mikro

Indonesia (OJK-TIM) dan Peraturan Presiden Republik Indonesia (No. 28 Tahun 2016).

Pengenalan takaful mikro di Indonesia ini juga mendapat sokongan daripada Majelis

Ulama Indonesia (No. 21 Tahun 2001) yang menyatakan kepentingannya seperti berikut:

*“Insurans Mikro Syariah (Ta'min, Takaful atau Tadhamun) adalah usaha untuk melindungi antara satu sama lain dan pertolongan membantu antara sebilangan orang melalui pelaburan dalam bentuk aset dan atau tabarru’ (tolong-menolong) yang memberi pola pulangan untuk menghadapi risiko tertentu melalui kontrak (penglibatan) mengikut syariah. Akad mengikut syariah yang dipersoalkan itu tidak mengandungi gharar (penipuan), maysir (perjudian), riba, zhulm (penganiayaan), risywah (rasuah), barang haram dan tidak bermoral”.*

Dengan wujudnya produk takaful mikro ini, ia diharapkan dapat memberi peluang akses kewangan kepada masyarakat terutamanya usahawan PMKS yang sebelum ini dikesampingkan dalam perkhidmatan kewangan formal. Bentuk skim perlindungan yang diambil oleh usahawan tersebut juga penting untuk dititikberatkan oleh industri takaful dan pihak kerajaan agar mereka mampu membeli produk perlindungan takaful yang bersesuaian dengan jenis perusahaan dan risiko yang dihadapi masing-masing (Setiyowati, 2016). Dengan penggunaan produk mikro takaful yang bersesuaian ini, diharapkan objektif inklusif kewangan dapat dicapai dan seterusnya berupaya untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh di Indonesia. Rentetan itu, isu ini memerlukan kajian dalam pelbagai aspek. Oleh yang demikian, kajian ini memfokuskan elemen penting iaitu faktor-faktor yang mampu mempengaruhi kecenderungan usahawan PMKS dalam menyertai takaful mikro di Pelepat Ilir Negeri Jambi, Indonesia.

### 1.3 Pernyataan Masalah


Perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) mempunyai peranan penting dalam ekonomi di Indonesia. Walau bagaimanapun, PMKS berhadapan dengan pelbagai isu terutamanya berkaitan dengan jaminan perlindungan terhadap risiko (Perpes, 2016). Hampir seluruh pekerjaan di Indonesia telah mendapat jaminan terhadap risiko sama ada sektor kerajaan atau swasta. Bahkan pekerjaan sendiri di sektor pertanian dan nelayan telah mendapat jaminan perlindungan terhadap risiko daripada pihak swasta dan kerajaan termasuk beberapa sektor pekerjaan seperti nelayan dan petani (Kementerian Kelautan dan Perikanan, 2017). Namun, ini berbeza dengan sektor perniagaan yang melibatkan usahawan PMKS yang kurang akses kepada skim perlindungan insurans yang mana alternatifnya mereka terpaksa membeli skim perlindungan sendiri.

tersedianya fasiliti kewangan bagi seluruh strata masyarakat dan memberikan pemahaman kepada masyarakat terhadap semua fasiliti perkhidmatan kewangan formal.

Terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji tentang kepentingan inklusif kewangan (Fungacova & Weill, 2015; Zins & Weil, 2016; Abeddifar et al, 2015; Hasan, 2015; Shabiq, 2015; Ahmed & Salleh, 2016; Trokic, 2017). Kajian-kajian ini membuktikan bahawa inklusif kewangan adalah penting bagi menyokong pertumbuhan ekonomi, membasmi kemiskinan, mengurangkan jurang antara individu dan daerah, serta meningkatkan kebaikan masyarakat. Sehubungan itu, banyak negara telah melaksanakan dasar inklusif kewangan. Berdasarkan data daripada Bank Dunia (2015), terdapat 31 negara telah melaksanakan dasar inklusif kewangan. Manakala 27 negara sedang dalam perancangan ke arah pelaksanaan dasar inklusif kewangan. Dasar pelaksanaan inklusif kewangan mendapat perhatian agensi-agensi kewangan antarabangsa seperti World Bank, G20, ASEAN, dan Asian Development Bank (ADB). Pencapaian inklusif kewangan juga memberikan perhatian tinggi terhadap inklusif kewangan melalui pembentukan forum untuk perbincangan, menyediakan bantuan teknikal dan kemudahan perkongsian ilmu.

Pengukuran inklusif kewangan umumnya dilihat terhadap pemilikan akaun bank. Kajian oleh Bank Dunia mendapati bahawa pemilikan akaun bank telah meningkat daripada 51 peratus pada tahun 2011 kepada 62 peratus pada tahun 2014. Di Indonesia 36.1 peratus penduduk dewasa (penduduk berumur minimum 15 tahun), 35.9 peratus daripadanya telah memiliki akaun bank, manakala 0.4 peratus pula menggunakan perbankan atas talian. Kadar pemilikan akaun bank di Indonesia lebih tinggi berbanding

dengan Vietnam, Filipina, Myanmar dan Kampuchea. Namun begitu, negara-negara ini secara relatifnya mempunyai pendapatan per kapita yang lebih rendah berbanding Indonesia. Sehubungan itu, inklusif kewangan di Indonesia didapati lebih rendah berbanding dengan negara-negara yang mempunyai pendapatan per kapita yang hampir sama dengan Indonesia seperti Thailand dan Malaysia. Senario ini menarik untuk dikaji secara lebih terperinci memandangkan pendapatan per kapita Indonesia, Malaysia dan Thailand khususnya hampir setara.



*Rajah 1.3. Perbandingan Akses terhadap Perkhidmatan Kewangan di Beberapa Negara.*  
Sumber: World Bank, The Global Findex Database (2014).



Kadar inklusif kewangan di Indonesia adalah rendah berkemungkinan disebabkan oleh beberapa faktor pengetahuan, pemahaman dan akses kepada institusi, produk dan perkhidmatan kewangan yang selaras dengan keperluan dan pendapatan (OJK, 2013; Perpes, 2016). Justeru, masyarakat perlu diberi pendedahan dan pengetahuan serta peningkatan akses kewangan agar mencapai pertumbuhan ekonomi yang mapan dan inklusif. Sehubungan itu, negara Indonesia telah membuat penetapan sasaran perkhidmatan kewangan daripada 36 peratus (2014) kepada 75 peratus (2019). Kerajaan Indonesia berusaha meningkatkan akses masyarakat terhadap perkhidmatan kewangan dengan menekankan kepada aspek permintaan dan penawaran. Dari aspek permintaan, kerajaan berupaya meningkatkan kemampuan ekonomi dan kewangan serta kesedaran masyarakat terhadap pentingnya sistem kewangan. Manakala dari aspek penawaran, kerajaan meningkatkan ketersediaan perkhidmatan kewangan yang dapat diakses oleh seluruh strata masyarakat, antaranya menawarkan takaful mikro (Setiyowati, 2016).

Memandangkan wujud dari usaha intensif kerajaan Indonesia, kajian ini akan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan penyertaan takaful mikro dalam kumpulan usahawan PMKS di Daerah Pelepat Ilir Negeri Jambi, Indonesia.





## 1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini dilakukan untuk menganalisis kecenderungan usahawan PMKS terhadap takaful mikro sebagai skim perlindungan. Secara khususnya, kajian ini bertujuan:

- i. Menganalisis pengaruh pemboleh ubah sikap terhadap kecenderungan penyertaan takaful mikro dalam kalangan usahawan PMKS;
- ii. Menganalisis pengaruh pemboleh ubah norma subjektif terhadap kecenderungan penyertaan takaful mikro dalam kalangan usahawan PMKS; dan
- iii. Menganalisis pengaruh pemboleh ubah inklusif kewangan terhadap kecenderungan penyertaan takaful mikro dalam kalangan usahawan PMKS.



## 1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan menjawab persoalan utama kajian, iaitu sejauh mana kecenderungan usahawan PMKS untuk menyertai takaful mikro. Secara spesifiknya, kajian ini cuba menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i. Adakah pemboleh ubah sikap mempengaruhi kecenderungan penyertaan takaful mikro dalam kalangan usahawan PMKS?;
- ii. Adakah pemboleh ubah norma subjektif mempengaruhi penyertaan takaful mikro dalam kalangan usahawan PMKS?; dan



- iii. Adakah boleh ubah inklusif kewangan mempengaruhi kecenderungan penyertaan takaful mikro dalam kalangan usahawan PMKS?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian kecenderungan menyertai takaful mikro sebagai skim perlindungan bagi usahawan PMKS adalah penting untuk mendapatkan gambaran berkaitan dengan gelagat kecenderungan terhadap produk perlindungan yang berasaskan syariah. Kajian ini juga penting untuk mengkaji sama ada boleh ubah-pemboleh ubah dalam teori tingkah laku terancang (*TPB*) boleh digunakan untuk menganalisis kecenderungan penyertaan takaful mikro atau sebaliknya. Di samping itu, aplikasi teori *TPB* beserta faktor inklusif kewangan sebagai proksi kepada tanggapan kawalan tingkah laku dalam menerangkan dan menjangkakan kecenderungan usahawan PMKS terhadap takaful mikro turut dianalisis secara bersama.

Selain itu, kajian ini juga boleh dijadikan rujukan oleh para pengkaji yang membuat penyelidikan berkaitan pelaksanaan takaful mikro dalam memberikan perlindungan kepada pelbagai strata masyarakat. Kajian ini juga dapat menyumbang kepada penemuan-penemuan baharu yang boleh menambah dapatan-dapatan kajian sebelumnya sama ada daripada perspektif industri takaful mahupun masyarakat sendiri. Kajian ini juga dapat menjadi panduan untuk mensosialkan skim takaful mikro dalam kalangan masyarakat miskin terutamanya dalam kalangan usahawan PMKS. Seterusnya,



kajian ini juga dapat membantu pihak pembuat dasar undang-undang bagi menentukan dasar untuk industri takaful mahupun masyarakat.

### 1.7 Batasan Kajian

Kajian ini tertumpu kepada penyelidikan terhadap kecenderungan takaful mikro dalam kalangan usahawan PMKS. Kajian ini menganalisis tiga (3) pemboleh ubah dalam model *TPB* iaitu, sikap, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku, yang mana faktor tanggapan kawalan tingkah laku diprosksikan oleh faktor inklusif kewangan.



Pemilihan lokasi kajian ini melibatkan 17 daerah di Pelepat Ilir, Jambi, Indonesia.

Justifikasi memilih daerah berkaitan adalah disebabkan faktor lokasi daerah yang memang berkait rapat dengan ciri-ciri luar bandar. Selain itu, lokasi ini merupakan daerah yang mempunyai populasi usahawan PMKS tertinggi di luar Bandar (Badan Pusat Statistik, 2017), dan hanya terdapat satu pusat perniagaan yang dibuka setiap hari untuk memenuhi keperluan 17 buah kampung. Tambahan pula, wilayah ini mempunyai majoriti usahawan PMKS beragama Islam. Tempoh masa yang diambil untuk proses kutipan data adalah selama empat hingga lima bulan iaitu bermula pada bulan Mei 2018 hingga Ogos 2018. Data diperoleh dengan menggunakan instrumen soal selidik merangkumi tiga pemboleh ubah.






## 1.8 Kerangka Konseptual

Kajian ini mengaplikasikan teori tingkah laku terancang (*TPB*) yang mana teori tersebut menekankan bahawa kecenderungan atau tingkah laku individu dipengaruhi oleh boleh ubah sikap, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku (Ajzen, 1991). Manakala teori *TPB* merupakan pengembangan daripada teori tindakan beralasan (*TRA*) iaitu teori yang lebih memfokuskan kepada hubungan antara sikap dengan tingkah laku sebenar (Ajzen, 1985). Oleh itu, teori *TPB* adalah lebih sesuai digunakan dalam kajian ini bagi menerangkan faktor seperti sikap, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku yang berupaya mempengaruhi kecenderungan usahawan PMKS dalam menyertai takaful mikro. Namun begitu, inklusif kewangan menjadi proksi kepada faktor tanggapan kawalan tingkah laku dalam kerangka konseptual ini bagi melihat pengaruhnya terhadap kecenderungan usahawan PMKS menyertai takaful mikro. Kerangka konseptual mengenai boleh ubah-boleh ubah yang digunakan dalam kajian ini ditunjukkan dalam Rajah 1.4.





Rajah 1.4. Kerangka Konseptual

### 1.9 Hipotesis Kajian

Terdapat tiga (3) hipotesis yang dibentuk berdasarkan kerangka konseptual iaitu:

- $H_1$ : Sikap mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kecenderungan usahawan PMKS dalam penyertaan takaful mikro;
- $H_2$ : Norma subjektif mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kecenderungan penyertaan usahawan PMKS dalam takaful mikro; dan
- $H_3$ : Inklusif kewangan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kecenderungan penyertaan usahawan PMKS dalam takaful mikro.

## 1.10 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini. Oleh itu, bagi memudahkan pemahaman terhadap kajian ini, istilah-istilah tersebut diuraikan seperti berikut:

### 1.10.1 Kecenderungan

Kecenderungan adalah apa-apa yang diminati atau disukai, kesukaan atau kemahuan (Kamus Besar Bahasa Indonesia, 2017). Kecenderungan juga dapat ditakrifkan sebagai perasaan cenderung kepada sesuatu atau suka akan sesuatu (Pusat Rujukan Persatuan Melayu, 2017). Namun, menurut Redhika dan Mahali (2014), kecenderungan seseorang untuk melibatkan diri atau membeli takaful biasanya akan wujud disebabkan oleh dua faktor menarik dan menolak. Faktor menolak merangkumi kekecewaan dan budaya takaful yang diwarisi (Firmandhani, 2016; Setiyowati, 2016). Kekecewaan berlaku apabila terdapat peluang yang terbatas, ekonomi tidak pasti dan ketidakpuasan. Manakala menurut Hariyadi dan Triyanto (2017), faktor menarik terdiri daripada faktor psikologi dan keuntungan serta merasa dilindungi. Individu akan tertolak untuk menceburi takaful mikro akibat kekecewaan yang mungkin pernah dialaminya atau disebabkan maklumat yang terbatas, manfaat tidak dapat diperoleh secara langsung dan faktor-faktor lain (Redhika & Mahalli, 2014). Justeru yang dimaksudkan dengan kecenderungan dalam



kajian ini adalah kemahuan seorang usahawan PMKS dalam menyertai skim perlindungan takaful mikro.

### 1.10.2 Skim Perlindungan

Skim perlindungan adalah sistem yang dibuat untuk membantu menguruskan risiko pada masa hadapan. Ianya akan memberikan satu jaminan bagi menyelesaikan risiko yang akan dihadapi dalam kehidupan manusia. Perlindungan ini dikenali sebagai insurans atau takaful iaitu perjanjian antara penanggung insurans dan pemegang polisi di mana pemegang polisi insurans membayar caruman sebagai balasan kepada risiko yang akan ditanggung oleh pihak insurans seperti kerugian, kemalangan, kematian, kesihatan, dan sebagainya yang mungkin berlaku pada masa hadapan di bawah perjanjian antara kedua-dua pihak (Peraturan Otoritas Jasa Keuangan Nomor 23, 2015).

Skim perlindungan yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah merujuk kepada takaful mikro. Produk takaful ini dikhurasukan kepada golongan masyarakat berpendapatan rendah misalnya usahawan perusahaan PMKS dengan ciri-ciri yang mudah dari segi pentadbiran dan dokumentasi, mudah untuk mendapatkan, harga yang ekonomik dan penyelesaian yang cepat dari segi tuntutan pampasan. Oleh itu, takaful mikro diwujudkan bagi membantu golongan yang dikesampingkan dari akses kewangan dan seterusnya dapat meningkatkan kesejahteraan hidup mereka (Maizaitulaidawati & Asmak, 2013).



### 1.10.3 Usahawan PMKS

Usahawan adalah seseorang atau kumpulan yang dapat menciptakan keseimbangan antara penawaran dan permintaan (Lee et al., 2015; Lee & Brown, 2016; Carbo, 2016; Stiglitz, 2016; Tsai & Kuan-Jung, 2017). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, usahawan ditakrifkan sebagai individu yang mengusahakan sesuatu perusahaan (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2017). Manakala bahasa Indonesia pula menterjemahkan usahawan sebagai peniaga, orang yang pandai dan berbakat dalam menghasilkan produk baharu, menentukan kaedah pengeluaran baharu, menyediakan operasi untuk pemerolehan produk baharu, memasarkannya, dan menguruskan permodalan operasinya (Kamus Besar Bahasa Indonesia, 2017). World Bank (2016) juga membezakan takrifan antara perusahaan mikro, kecil dan sederhana seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

Maka, dalam kajian ini, usahawan dimaksudkan sebagai usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di daerah Pelepat Ilir Negeri Jambi, Indonesia.



## Jadual 1.1

### *Kriteria Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)*

<b>Kriteria</b>	<b>Mikro</b>	<b>Kecil</b>	<b>Sederhana</b>
Aset Bersih (Tidak termasuk tanah dan bangunan)	≤ Rp. 50 juta (RM14,061)	> Rp. 50 juta – 500 juta (RM14,061 – RM140,609)	> Rp. 500 juta – 10 juta (RM140,609 – RM2,812,188)
Jualan Tahunan/ Hasil	≤ Rp. 300 juta (RM84,366)	> Rp 300 juta – 2.5 Juta (RM84,366 – RM703,047)	> Rp. 2.5 bilion – 50 Juta (RM703,047 – RM14,060,940)

*Sumber:* World Bank (2016).

### **1.10.4 Inklusif Kewangan**



Inklusif kewangan merujuk kepada ketersediaan akses kepada pelbagai institusi, produk dan perkhidmatan kewangan yang bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan masyarakat dalam rangka meningkatkan kesejahteraan masyarakat (OJK, 2016). Dasar kewangan inklusif adalah satu bentuk perkhidmatan kewangan yang membantu individu membuat keputusan yang lebih tegas dan cekap dalam konteks kewangan. Ini bertujuan supaya masyarakat yang sebelum ini tidak mendapat akses kewangan untuk menggunakan produk dan perkhidmatan kewangan formal seperti penyimpanan, memindahkan, pelaburan dan perlindungan (takaful).





Sedangkan tanggapan kawalan tingkah laku adalah sejauh mana seorang individu mempunyai kepercayaan bahawa ia dapat melibatkan diri dalam suatu tingkah laku (Ajzen, 1991). Menurut Armitage dan Conner (2001), Maizaitulaidawati dan Asmak (2013), dan Hasanah (2017), beberapa faktor yang dapat memberikan sokongan terhadap tanggapan kawalan tingkah laku adalah daripada rujukan yang didapati oleh individu tersebut, seperti sukar atau mudahnya untuk melakukan tingkah laku dan pengalaman lepas yang pada akhirnya akan membentuk persepsi individu untuk membentuk niat dan kemudian dilaksanakan suatu tingkah laku. Seterusnya dalam kajian ini, kawalan tingkah laku yang dimaksudkan adalah faktor-faktor kawalan yang ada dalam inklusif kewangan diperoleh dan dirasakan oleh usahawan PMKS sehingga ianya dapat diguna pakai untuk melihat kecenderungan terhadap penyertaan takaful mikro.



### 1.10.5 Sikap

Sikap dapat ditakrifkan sebagai penilaian seorang individu terhadap suatu objek atau subjek sama ada ianya mengandungi unsur positif maupun negatif, baik ataupun buruk dan seterusnya akan menghasilkan suatu tingkah laku (Ajzen, 1991). Justeru, sikap yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah sikap usahawan PMKS terhadap kecenderungan menyertai takaful mikro.





### 1.10.6 Norma subjektif

Norma subjektif dapat ditakrifkan sebagai tekanan sosial (persekitaran) sama ada individu tersebut ingin mematuhi atau tidak kehendak orang di sekelilingnya (Ajzen, 1991). Namun, norma subjektif dalam kajian ini memfokuskan kepada persepsi usahawan PMKS berkaitan dengan bagaimana faktor tekanan persekitaran boleh mempengaruhi mereka untuk menyertai takaful mikro.

### 1.11 Rumusan



Bab ini menerangkan secara ringkas isu yang memerlukan satu kajian dijalankan berhubung pengaruh sikap, norma subjektif dan inklusif kewangan terhadap kecenderungan usahawan PMKS. Seterusnya, bab ini mengemukakan objektif kajian untuk dicapai, persoalan kajian yang perlu dijawab bagi mencapai objektif yang dicadangkan, kerangka konseptual, kepentingan kajian, batasan-batasan kajian dan definisi operasional. Tinjauan literatur akan dibincangkan secara terperinci dalam bab seterusnya.

